

**MENILAI PELAKSANAAN PROGRAM NILAM
DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH
MENENGAH DAERAH MUALLIM,
PERAK**

AHMAD NIZAMUDDIN SHAH BIN MOHAMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

**MENILAI PELAKSANAAN PROGRAM NILAM DALAM KALANGAN GURU
SEKOLAH MENENGAH DAERAH MUALLIM, PERAK**

AHMAD NIZAMUDDIN SHAH BIN MOHAMAD

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENILAIAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 8 Mac 2022

i. Perakuan Pelajar:

Saya, Ahmad Nizamuddin Shah bin Mohamad, M20181000809, Fakulti Pembangunan Manusia dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk Menilai Pelaksanaan Program NILAM Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Muallim, Perak adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.




Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya Dr Norhasnida binti Che Md Ghazali dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Menilai Pelaksanaan Program NILAM Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Muallim, Perak dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan.

07.06.2022
Tarikh



Tandatangan Penyelia

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: MENILAI PELAKSANAAN PROGRAM NILAM DALAM KALANGAN
GURU SEKOLAH MENENGAH DAERAH MUALLIM, PERAK

No. Matrik / Matric's No.: M20181000809

Saya / I: AHMAD NIZAMUDDIN SHAH BIN MOHAMAD

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 7/6/2022


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. NURUL HUDA
Senior Lecturer
Department of Educational Studies
Faculty of Human Development
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Alhamdulillah dipanjatkan kehadratNya kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat penulis menyempurnakan kajian ini. Mudah – mudahan rahmat Allah akan terus memayungi hidup ini. Insya-Allah. Ucapan penghargaan tidak terhingga dan jutaan terima kasih kepada Dr Norhasnida binti Che Md Ghazali selaku penyelia kajian. Beliau telah banyak memberikan dorongan, bimbingan, tunjuk ajar dan galakan dalam menghasilkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada keluarga tercinta yang banyak membantu dan memberikan nasihat, semangat dan dorongan untuk menyiapkan kajian ini. Buat isteri tercinta, Dr Zurina Ilias yang sanggup berkorban demi membantu merealisasikan impian dan cita-cita ini. Buat anak-anak yang dikasihi, moga kajian ini menjadi pembakar semangat kalian untuk terus berjaya dengan cemerlang. Seterusnya rakan-rakan terima kasih kepada semua rakan guru yang terlibat dengan kajian ini secara langsung dan tidak langsung. Hanya Allah yang mampu membalas setiap kebaikan yang diberi dan semoga mendapat rahmat dan perlindungan Allah selalu. Insya-Allah.

ABSTRAK

Kajian deskriptif ini bertujuan menilai pelaksanaan Program NILAM menggunakan empat dimensi penilaian Model Penilaian KIPP (KIPP) *Sutfflebeam*, iaitu dimensi konteks, proses, input dan produk. Pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan telah dijalankan dengan melibatkan 165 responden dari lima buah sekolah di Daerah Muallim, Perak. Analisis deskriptif dan inferens digunakan dalam menganalisis borang kaji selidik guru program Nilam. Dapatan kajian mendapati bahawa persepsi guru terhadap pelaksanaan program bagi kesemua dimensi penilaian adalah pada tahap yang tinggi dan menunjukkan pelaksanaan program nilai adalah baik (dimensi penilaian konteks ($min = 4.16$), input, ($min = 3.83$), proses ($min = 3.35$) dan produk ($min = 4.05$). Bagi analisis regresi pula, hubungan antara dimensi didapati sederhana bagi penilaian (i) dimensi konteks dengan input, $r = 0.538$, (ii) penilaian dimensi konteks dengan produk, $r = 0.562$, (iii) dimensi input dengan proses, $r = 0.562$, (iv) dimensi input dengan produk, $r = 0.583$. Manakala, hubungan yang lemah bagi hubungan dimensi konteks dengan proses, $r = 0.252$. Selain itu, analisis inferens mendapati terdapat hubungan yang signifikan, $p < 0.05$ antara interaksi keempat-empat dimensi penilaian. Kesimpulannya, hasil kajian ini menjelaskan komitmen guru, kekangan dan masalah dalam memastikan program Nilam dapat dijalankan dengan efektif. Implikasi kajian menunjukkan Program Nilam adalah program galakan membaca dengan sistematik yang boleh membentuk masyarakat yang lebih berpengetahuan dan suka akan buku.

EVALUATING THE IMPLEMENTATION OF THE NILAM PROGRAM AMONG SECONDARY SCHOOL TEACHERS IN MUALLIM DISTRICT, PERAK

ABSTRACT

This descriptive study aims to evaluate the NILAM Program's effectiveness using the four evaluation dimensions of the Sutfflebeam Evaluation Model (CIPP), namely the context, process, input, and product dimensions. There are four objectives proposed in this study. A quantitative approach using the survey method was conducted involving 165 respondents from five schools in Muallim District, Perak. Descriptive and inferential analysis was used in analysing the Nilam program. The findings of the study found that teachers' perceptions related to program NILAM implementation for all dimensions of evaluation were at a high level, where the dimensions of assessment context (mean = 4.16), input (mean = 3.83), process (mean = 3.35) and product (mean = 4.05). For correlation analysis, the relationship between dimensions were found to be moderate level (i) context with input dimension, $r = 0.538$, (ii) context with product dimension, $r = 0.562$, (iii) input with process dimension, $r = 0.562$, and (iv) input with product dimension, $r = 0.583$. Whereas a weak relationship was found for the relationship of context with process dimension, $r = 0.252$. Besides, the inference analysis found a significant relationship, $p < 0.05$, between the interactions of the four dimensions of assessment. In conclusion, the results of this study clarify the commitment of teachers, constraints and problems in ensuring the Nilam program can be run effectively. The implications of the study show that the Nilam Program is a systematic reading encouragement program that can develop and encourage the student to read and become and book-loving society.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
------------------------------------	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

ISI KANDUNGAN	vii
----------------------	-----

SENARAI JADUAL	xiv
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xvi
----------------------	-----

SENARAI SIMBOL	xvii
-----------------------	------

BAB 1	Pengenalan	1
--------------	-------------------	---

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Latar Belakang	4
-----	----------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	5
-----	--------------------	---

1.4	Objektif Kajian	9
-----	-----------------	---

1.5	Persoalan Kajian	12
-----	------------------	----

1.6	Hipotesis Kajian	14
-----	------------------	----

1.7	Kerangka Konseptual Kajian	15
-----	----------------------------	----



1.8	Kepentingan Kajian	17
1.9	Batasan Kajian	19
1.10	Definisi Operasional	20
1.10.1	Minat	20
1.10.2	Motivasi	20
1.10.3	Program NILAM	21
1.10.4	Guru Penyelaras Pusat Sumber	21
1.10.5	Guru	22
1.10.6	Pentadbir sekolah	23
1.11	Rumusan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 24

2.1	Pengenalan	24
2.2	Tabiat membaca	26
2.2.1	Definisi tabiat membaca	27
2.2.2	Kepentingan Membaca	28
2.2.3	Kajian berkaitan tabiat membaca	31
2.3	Program Nilam	35
2.3.1	Kajian berkaitan Program NILAM	35
2.4	Pelaksanaan NILAM di sekolah	38
2.4.1	Panduan Proses Pelaksanaan NILAM di sekolah	40
2.4.1.1	Taklimat daripada Pengetua	40
2.4.1.2	Mesyuarat Guru	41

2.4.2	Bahan	44
2.4.3	Rekod Bacaan	46
2.5	Teori Berkaitan Kajian	46
2.5.1	Teori Behaviorisme	47
2.5.2	Teori Membaca Atas ke Bawah (<i>Top Down Reading</i>)	50
2.6	Penilaian	54
2.6.1	Jenis-jenis penilaian	55
2.7	Pendekatan dan Model Penilaian Program	57
2.8	Model-model Penilaian Program	59
2.8.1	Model Penilaian Tyler (1950)	60
2.8.2	Model Penilaian Scriven (1972)	62
2.8.3	Model Penilaian KIPP (1973)	63
2.8.3.1	Konsep utama model KIPP	65
2.8.3.2	Rasional Pemilihan Model KIPP	66
2.9	Konstruk dalam kajian	68
2.9.1	Dimensi Penilaian Konteks	68
2.9.2	Dimensi Penilaian Input	69
2.9.3	Dimensi Penilaian Proses	74
2.9.4	Dimensi Penilaian Produk	76
2.10	Rumusan	79
BAB 3	METODOLOGI	80
3.1	Pengenalan	80

3.2	Reka bentuk Kajian	81
3.3	Pensampelan dan Populasi	82
3.3.1	Kaedah Persampelan	83
3.4	Instrumen Kajian	84
3.4.1	Pembinaan Instrumen	85
3.5	Prosedur Kajian	88
3.6	Kajian Rintis	88
3.6.1	Kesahan	89
3.6.2	Kebolehpercayaan	91
3.6.3	Dapatan Kajian Rintis	92
3.7	Kaedah Analisis Data	93
3.8	Rumusan	95

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 96

4.1	Pengenalan	96
4.2	Analisis Profil Responden	97
4.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Sebenar	99
4.4	Analisis Persoalan Kajian	100
4.4.1	Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Perlaksanaan Program NILAM (Penilaian Konteks)	101
4.4.2	Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Buku Rekod NILAM, Penggunaan Pusat Sumber Sekolah (PSS), Peranan Guru Dan Peranan Pentadbir Sekolah (Penilaian Input).	104
4.4.3	Persepsi Guru Terhadap Proses Perlaksanaan Program NILAM, Perlaksanaan Program NILAM	

Semasa Pengajaran dan Pembelajaran dan Cabaran dalam Perlaksanaan Program NILAM (Penilaian Proses). 109

4.4.4 Persepsi Guru Terhadap Perlaksanaan Program NILAM Dalam Membantu Meningkatkan Bahan Bacaan Dan Motivasi Murid Selepas Tamat Program (Penilaian Produk). 113

4.4.5 Hubungan antara Dimensi Penilaian Konteks dengan Dimensi Penilaian Input, Dimensi Penilaian Proses dan Dimensi Penilaian Produk Dalam Perlaksanaan Program NILAM. 116

4.4.5.1 Hubungan diantara Dimensi Penilaian Konteks dengan Dimensi Penilaian Input 116

4.4.5.2 Hubungan diantara Dimensi Penilaian Konteks dengan Dimensi Penilaian Proses 117

4.4.5.3 Hubungan diantara Dimensi Penilaian Konteks dengan Dimensi Penilaian Produk 118

4.4.5.4 Hubungan diantara Dimensi Penilaian Input dengan Dimensi Penilaian Proses dalam Perlaksanaan Program NILAM. 119

4.4.5.5 Hubungan antara Dimensi Penilaian Input dengan Dimensi Penilaian Produk dalam Perlaksanaan Program NILAM. 120

4.4.6 Hubungan diantara Dimensi Proses dengan Dimensi Produk dalam Perlaksanaan Program NILAM. 121

4.4.7 Pengaruh Dimensi Konteks, Dimensi Input dan Dimensi Proses terhadap Dimensi Penilaian Produk dalam Perlaksanaan Program NILAM. 122

4.5 Rumusan 125



BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN 126

5.1	Pengenalan	126
5.2	Ringkasan Kajian	127
5.3	Perbincangan	128
5.3.1	Persoalan Kajian 1. (a). Adakah persepsi guru terhadap pelaksanaan Program NILAM menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan?	129
5.3.2	Persoalan Kajian 1. (b). Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan Program NILAM 2.0 menepati Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)?	130
5.3.3	Persoalan Kajian 2. (a). Apakah persepsi guru terhadap Penggunaan Buku Rekod NILAM?	131
5.3.4	Persoalan Kajian 2. (b). Apakah persepsi guru terhadap pusat sumber sekolah (PSS)?	133
5.3.5	Persoalan Kajian 2. (c). Apakah persepsi guru terhadap Peranan Guru Kelas dalam Melaksanakan program NILAM?	134
5.3.6	Persoalan Kajian 2. (d). Apakah persepsi guru peranan pentadbir dalam menjayakan program NILAM?	136
5.3.7	Persoalan Kajian 3. (a). Apakah persepsi guru terhadap proses pelaksanaan program NILAM?	137
5.3.8	Persoalan Kajian 3. (b). Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan program NILAM semasa pengajaran dan pembelajaran (PdPc)?	138
5.3.9	Persoalan Kajian 3. (c). Apakah persepsi guru terhadap cabaran dalam pelaksanaan Program NILAM?	140



5.3.10 Persoalan Kajian 4. (a). Adakah pelaksanaan program NILAM membantu meningkatkan bahan bacaan murid selepas program? 142

5.3.11 Persoalan Kajian 4. (b). Adakah pelaksanaan program NILAM membantu meningkatkan motivasi murid-murid untuk terus membaca selepas program? 143

5.3.12 Persoalan kajian 5 (Pengujian Hipotesis): Adakah terdapat hubungan antara dimensi Penilaian Konteks, Input, Proses dan Produk dalam pelaksanaan Program NILAM? 144

5.3.13 Sejauh manakah dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses mempengaruhi dimensi penilaian produk dan dimensi yang manakah merupakan peramal terbaik untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program NILAM? 150

5.4 Implikasi Kajian 152

5.5 Cadangan 154

5.6 Kesimpulan 157

RUJUKAN 159

LAMPIRAN 170

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perbandingan tiga model penilaian	59
3.1	Taburan item mengikut konstruk	87
3.2	Nilai pekali alfa	92
3.3	Nilai pekali alfa yang diperolehi dari kajian rintis yang telah dijalankan.	93
3.4	Interpretasi skor min adaptasi daripada Muhammad Faizal A Ghani dan Gary M. Crow (2013)	94
4.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Sebenar	99
4.2	Interpretasi Skor Min	100
4.3	Analisis Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Perlaksanaan Program NILAM (Penilaian Konteks)	102
4.4	Analisis Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Perlaksanaan Program NILAM (Penilaian Input)	106
4.5	Analisis Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Perlaksanaan Program NILAM (Penilaian Proses)	110
4.6	Analisis Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Perlaksanaan Program NILAM (Penilaian Produk)	114
4.7	Analisis Hubungan diantara Dimensi Konteks dengan Dimensi Input	117
4.8	Analisis Hubungan diantara Dimensi Konteks dengan Dimensi Proses	118

4.9	Analisis Hubungan diantara Dimensi Konteks dengan Dimensi Produk	119
4.10	Analisis Hubungan diantara Dimensi Input dengan Dimensi Proses	120
4.11	Analisis Hubungan diantara Dimensi Input dengan Dimensi Produk	121
4.12	Analisis Hubungan diantara Dimensi Proses dengan Dimensi Produk	122
4.13	Analisis Pengaruh Dimensi Penilaian Konteks, Dimensi Penilaian Input dan Dimensi Penilaian Proses terhadap Dimensi Penilaian Produk.	122
4.14	Analisis Hubungan Dimensi Penilaian Konteks, Dimensi Penilaian Input dan Dimensi Penilaian Proses terhadap Dimensi Penilaian Produk.	124
4.15	Ringkasan dapatan hipotesis kajian	124

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian bagi menilai pelaksanaan Program NILAM menggunakan model Penilaian KIPP'	17
4.1 Jantina Responden	97
4.2 Pengalaman Mengajar Guru	98
4.3 Pencapaian Akademik Guru	99
4.4 Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Perlaksanaan Program NILAM (Penilaian Konteks).	104
4.5 Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Perlaksanaan Program NILAM (Penilaian Input).	108
4.6 Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Perlaksanaan Program NILAM (Penilaian Proses).	112
4.7 Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Perlaksanaan Program NILAM (Penilaian Produk).	115

SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KIPP	Konteks, Input, Proses dan Produk
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i> (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan guru
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Guru
- B Surat ERPD
- C Surat Pengesahan Pakar
- D Output SPSS

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pelbagai cara boleh diperoleh untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan berkaitan sesuatu perkara. Antara cara tersebut ialah melalui pembacaan. Tabiat membaca akan menambah pengetahuan dan maklumat yang diinginkan dapat diperolehi. Namun demikian, pelajar harus pandai memilih bahan bacaan yang berkualiti. Pemilihan bahan bacaan amat penting kerana membaca turut mempengaruhi proses pembelajaran dan pemindahan ilmu serta maklumat sama ada pembacaan di rumah mahupun di sekolah (Aleng, 2016)

Sumber pengetahuan diperoleh melalui pembacaan dan ianya adalah asas kepada pembentukan seseorang individu untuk mendapatkan pengetahuan yang diperlukan. Oleh yang demikian, tujuan membaca adalah untuk memberikan kefahaman terhadap teks yang telah dibaca dan memahami kandungan yang terdapat di dalam teks tersebut dalam memberi maksud dan tafsiran kepada pihak yang membaca (Akhir, Dali & Saidin, 2017). Kemampuan membaca adalah suatu kemahiran yang



terlalu bernilai dimiliki oleh seseorang individu dan merupakan sebuah proses yang tidak sekejap serta berterusan. Dalam memperoleh kemampuan untuk membaca, seseorang individu memerlukan sebuah komunikasi dua hala yang aktif dan memberikan makna diantara pembaca dan penulis. Membaca turut dinyatakan sebagai kebolehan seseorang dalam membuat pengecaman terhadap sesuatu bentuk dalam konteks visual dan menghubungkan antara bentuk tersebut dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berkebolehan dalam memberikan tafsiran terhadap maksudnya (Jamian, 2021)

Pada tahun 1998, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan sebuah program yang dinamakan sebagai Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM). Program NILAM yang dilancarkan adalah bertujuan untuk menggalakkan murid-murid sekolah yang berumur antara 7 hingga 17 tahun menyemai tabiat membaca. Program ini dilaksanakan secara berterusan di peringkat rendah hingga menengah untuk melahirkan golongan pembaca tegar yang meletakkan amalan membaca dalam diri mereka sebagai salah satu tabiat yang berpanjang sepertimana objektif perancangan program NILAM (Mustapha, 2009). Aktiviti yang dilaksanakan dalam program NILAM merupakan pemangkin kepada peningkatan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dalam pada itu, program tersebut turut dapat meningkatkan pencapaian akademik murid-murid sekolah serta membina masyarakat yang memartabatkan budaya membaca (Mustapha, 2009).

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dalam merangka strategi untuk memupuk tabiat semangat membaca dalam kalangan murid sekolah. Terdapat beberapa program yang dibangunkan dalam mendokong hal ini iaitu Program Literasi dan





Numerasi (LINUS), Program Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis (KIAS2M) dan akhir sekali adalah Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM). Program sedemikian dilaksanakan adalah untuk membantu dan memupuk tabiat membaca khususnya kepada murid-murid sekolah rendah. Murid yang memberikan komitmen mereka dalam menyertai kepelbagaian aktiviti yang disediakan dalam program-program tersebut dalam memupuk sikap membaca di setiap sekolah akan diberikan penghargaan yang bersesuaian.

Terdapat kepelbagaian aktiviti untuk menggalakkan murid agar menyertai aktiviti membaca. Antaranya adalah Program Membaca Amalan Sihat (MAS), Kuiz Bestari, Khemas Membaca, Projek Iqra' dan Program Banyak Membaca. Kepelbagaian aktiviti yang dirangka telah dilaksanakan di setiap sekolah berdasarkan kepada kewajaran dan kesesuaian dari segi faktor saiz, lokasi dan kemudahan di setiap negeri. Pelbagai aktiviti digabungkan dalam pelaksanaan program ini sebagai usaha galakan membaca yang dilaksanakan di setiap sekolah dalam usaha untuk mewujudkan satu budaya masyarakat yang minat membaca, masyarakat itu haruslah memiliki sikap yang menjuruskan diri mereka menyukai ilmu pengetahuan dalam kehidupan seharian (Jie, 2020). Hal ini diutarakan kerana keperluan terhadap ilmu dan pengetahuan dalam kehidupan individu sering diabaikan. Perkara ini tidak seharusnya berlaku dalam zaman teknologi yang semakin berkembang maju, setiap bahan bacaan berada di hujung jari. Terpulang kepada diri untuk memilih jenis pembacaan yang bersesuaian dengan keperluan diri dalam pengembangan kemahiran.





1.2 Latar Belakang

Budaya membaca sangat penting terutama dalam menjadikan modal insan berminda kelas pertama. Kepentingan budaya ini memang disedari oleh ramai pihak termasuklah para ibu bapa, pihak pentadbir, golongan pendidik, para pemimpin dalam bidang politik dan murid itu sendiri. Pentingnya kegiatan membaca diamalkan dalam sesebuah masyarakat kerana dengan membaca boleh membangunkan intelektual dan membentuk pemikiran yang kritis dan kreatif dalam sesebuah masyarakat. Maka, ungkapan “Membaca Jambatan Ilmu” yang sering kita dengar telah menjelaskan kepentingan amalan membaca dalam diri individu untuk mencari dan memperoleh ilmu pengetahuan. Raja Perancis iaitu Napoleon Bonaparte yang menaiki takhta pada tahun 1799 telah mengungkapkan bahawa “Barang siapa yang suka membaca dan sekaligus mengamalkan ilmu pengetahuan yang diperoleh, nescaya akan menjadi pemerintah dunia kelak” (Hashim, 1998).

Menyelusuri kepentingan membaca dalam kehidupan, pengukuran dalam keberhasilan dalam pembangunan sesebuah negara adalah berdasarkan kepada indeks budaya membaca. Oleh yang demikian, dalam menyahut untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang mempunyai keperibadian yang rasional, pemikiran yang matang, mempunyai jiwa yang politk, beranalitikal serta mental dan fizikalnya utuh hanya akan dapat dicapai sekiranya budaya membaca dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan seharian dalam masyarakat sejagat. Negara Malaysia dalam langkah untuk menuju ke arah sebuah negara yang membangun. Oleh itu, budaya membaca dipandang serius oleh semua pihak agar Malaysia mempunyai rakyat yang mampan dan berdaya saing dengan negara lain.



Budaya membaca sebagai akar tunjang terhadap kekuatan dalam diri seseorang individu, bangsa dan negara. Pembangunan rohani, kecerdikan intelektual dan emosi dalam diri individu adalah melalui pembacaannya dan dalam masa yang sama dapat membentuk daya pemikirannya yang lebih kreatif dan kritis. Jepun merupakan sebuah negara maju yang boleh dijadikan sebagai contoh. Kebanyakan penduduk Jepun mempunyai sikap yang suka membaca dan membaca dijadikan sebagai aktiviti rutin dalam kehidupan seharian mereka. Mereka akan mengisi masa lapang dengan aktiviti membaca tidak kira di mana mereka berada dan mereka tidak gemar membazirkan masa tanpa melakukan aktiviti yang mereka anggap berfaedah.

Keutamaan penerapan tabiat membaca yang berkesan haruslah dimulai di sekolah (Loh et al, 2017). Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran merupakan langkah utama yang perlu dilaksanakan dalam menggalakkan minat membaca dalam kalangan murid sekolah. Selain itu, bagi memastikan aktiviti membaca secara berterusan, Pusat Sumber Sekolah (PSS) wajar menganjurkan pelbagai pertandingan, projek, pameran dan sebagainya untuk menarik minat murid-murid sekolah membaca. Perancangan kepelbagaian aktiviti membaca yang berbeza juga perlu dilaksanakan seperti forum, kursus-kursus, ceramah, seminar dan bengkel yang bersesuaian.

1.3 Pernyataan Masalah

Budaya membaca kalangan khalayak awam dan pelajar sudah berevolusi mengikut peredaran zaman terutama perkembangan teknologi penerbitan dan kebolehan menerbitkan bahan sendiri. Walaupun menghadapi beberapa masalah ekonomi,

kesihatan dan sosial, masyarakat Malaysia masih di kategorikan dalam golongan yang menerima perubahan serta beradaptasi dengan perkembangan digital yang sedang berkembang. Dengan revolusi dan transformasi digital, maklumat yang disalurkan dan diperolehi masyarakat juga berkembang seperti Dasar IT, e-kerajaan, perkhidmatan Wi-Fi, perkhidmatan internet, inisiatif e-pembelajaran, sektor telekomunikasi dan mudah alih selular . Transformasi digital ini mempunyai juga menyebabkan perubahan tingkah laku terutamanya tingkah laku membaca (Yusof, 2021).

Dalam konteks pelajar dan sekolah, isu kenapa pelajar kurang membaca adalah isu tradisional yang sentiasa dibincangkan. Terdapat pelbagai kajian telah dilakukan dalam mengenalpasti faktor kenapa pelajar kurang membaca (Hamdiah & Yusoff, 2021; Merga, 2017; Ithriyah & Nurmalia, 2021). Dengan peredaran zaman dan era digital, isu utama permasalahan amalan membaca dalam kalangan pelajar di sekolah, dan kurang pernyertaan dalam Program Nilam adalah bahan bacaan. Bahan bacaan yang disediakan di sekolah adalah bahan bacaan lama dan tidak dapat menarik minat para pelajar. Di perpustakaan sekolah, masih terdapat bahan bacaan yang tidak dikemaskini dan kurang relevan dengan perkembangan pelajar pada masa kini (Mukhalladun, Nidawati & Muhammad, 2020). Tiada kepelbagaian bahan bacaan yang disediakan dapat menarik minat pelajar membaca mahupun menyertai Program NILAM. Bukan itu sahaja, hal ini adalah lebih kompleks apabila terdapat sesetengah pelajar yang memerlukan perkhidmatan pusat sumber/perpustakaan sepenuhnya dalam mendapatkan bahan bacaan (Loh et al, 2017).

Pusat sumber sekolah merupakan satu tempat yang amat penting dalam merealisasikan objektif pelaksanaan program NILAM. Berdasarkan kajian Lee (2015), 54% murid Tingkatan 4 daerah Yan menyatakan bahawa pihak sekolah tidak



menyediakan jadual waktu penggunaan PSS bagi setiap kelas. Kegagalan pihak sekolah untuk menyediakan jadual penggunaan pusat sumber sekolah menyebabkan murid tidak dapat melaksanakan program NILAM dengan baik.

Selain itu, pelaksanaan Program NILAM ini adalah lebih sukar apabila negara dilanda pandemic Covid19. Semenjak negara dilanda masalah kesihatan global tersebut, sesi persekolahan telah dijalankan secara dalam talian. Terdapat pelbagai program dan kempen-kempen membaca tidak dapat dijalankan dengan sebaiknya. Para guru dan pelajar tidak dapat mengawal dan melaksanakan Program NILAM seperti yang dirancang (Akhir, Dali & Saidin, 2017). Namun, jika dipandang dari perspektif lain, tiada atau kurang kempen membaca dijalankan di sekolah. Selain itu, pengetua dan guru-guru sendiri kurang menunjukkan sikap rajin membaca, justeru pelajar tidak mendapat contoh baik untuk diteladani. Hal ini juga dibuktikan dengan kurangan amalan membaca dalam kalangan orang dewasa (Merga, 2017)

Selain itu, *Programme for International Student Assesment* (PISA) yang diadakan pada tahun 2018 menunjukkan pencapaian Malaysia masih berada dalam situasi memuaskan dan perkara ini sangat membimbangkan. Malaysia telah menduduki tangga ke-55 pada tahun 2012 daripada 74 buah negara yang mengambil bahagian dalam program tersebut. Tetapi, laporan yang ditunjukkan oleh PISA 2018 menunjukkan kedudukan Malaysia menaik di mana Malaysia berada pada tangga ke 53 daripada 65 buah negara. Jika dilihat kepada perolehan purata skor bacaan murid, kedudukan Malaysia menurun kepada 398 mata dalam PISA 2012 berbanding 414 mata dalam PISA 2009 (KPM, 2015).





Tambahan dengan itu, neberapa kajian berkaitan tabiat membaca telah dijalankan dan kebanyakan hasil dapatan kajian menunjukkan tahap motivasi membaca dan persekitaran membaca pada tahap yang sederhana. Sebagai contohnya, kajian Khir, Mohd Kassim, Afiq Zaharim (2019) mendapati tabiat membaca dalam kalangan pelajar adalah sederhana di mana faktor persekitaran dan motivasi di ambil kira. Selain itu, kajian Samsudin & Yanti Idaya Aspura (2021) juga menyatakan tabiat membaca adalah pada tahap sederhana. Dalam konteks aktiviti pembacaan di sekolah pula hanya melibatkan 15 peratus dalam sesi pembelajaran. Pelaksanaan latihan membaca dilaksanakan dalam tempoh yang singkat dan ianya tidak berterusan. Dapatan ini menunjukkan bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdPc) antara cikgu dan murid dalam bilik darjah perlu dimanfaatkan sepenuhnya dengan aktiviti untuk memperkukuhkan kemahiran dan minat dalam membaca di kalangan murid.



Hasil yang diperoleh daripada buku panduan Program NILAM (2002) menunjukkan pelbagai aktiviti dan program yang telah dirangka dan dilaksanakan di pelbagai peringkat khususnya di sekolah-sekolah sepanjang tempoh program tersebut berlangsung, namun masih terdapat persoalan yang mempersoalkan tentang kejayaan dan keberhasilan program yang dilaksanakan. Oleh yang demikian, Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) diwujudkan secara bersepadu sebagai sebuah pendekatan baru. Laporan Bahagian Teknologi Pendidikan (2002) menyatakan bahawa pelaksanaannya secara bersepadu telah menghadapi beberapa cabaran. Pusat Sumber Sekolah (PSS) perlu menghadapi cabaran-cabaran ini yang dikategorikan kepada empat aspek iaitu badan, sokongan ibu bapa, masa dan murid dalam usaha mereka untuk mempromosikan pembudayaan membaca.



Oleh kerana kurang kajian yang menilai pelaksanaan Program NILAM yang mengambilkira persepsi guru secara menyeluruh, maka pengkaji berhasrat untuk menjalankan penilaian ke atas pelaksanaan Program NILAM menggunakan keempat-empat dimensi KIPP. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sebarang tindakan terperinci yang boleh diambil bagi menambahbaik dan meningkatkan pelaksanaan Program NILAM pada masa hadapan. Selain itu juga, Program NILAM telah memasuki 21 tahun pelaksanaannya dan telah berlaku pelbagai perubahan dan perkembangan dalam pelaksanaan program semenjak dilancarkan pada tahun 1998. Melalui penilaian program yang dijalankan ini, kita akan dapat mengetahui sama ada Program NILAM telah mencapai objektif dan matlamat sepertimana yang ditetapkan pada permulaan program ini dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekiranya Program NILAM gagal mencapai matlamat yang ditetapkan maka tindakan pembetulan dan penambahbaikan boleh diambil bagi memastikan Program NILAM berjalan seperti yang dirancang dan ditetapkan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menilai pelaksanaan Program NILAM menggunakan Model Penilaian KIPP yang dipelopori oleh Sutfflebeam dari aspek konteks, input, proses dan produk iaitu:-

Dimensi Penilaian Konteks (*Context*)

1. Menenal pasti persepsi guru terhadap kesesuaian pelaksanaan Program NILAM dari aspek:-

- a. Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- b. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)

Dimensi Penilaian Input (*Input*)

2. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan Program Nilam dalam aspek:-
 - a. Penggunaan buku rekod NILAM
 - b. Penggunaan Pusat Sumber Sekolah (PSS)
 - c. Peranan Guru dalam melaksanakan program NILAM
 - d. Peranan Pentadbir sekolah dalam menjayakan program NILAM?

Dimensi Penilaian Proses (*Process*)

3. Mengenal pasti persepsi guru terhadap:-
 - a. Pelaksanaan program NILAM peringkat sekolah.
 - b. Pelaksanaan proses pengisian rekod dalam Sistem Indeks Kualiti NILAM (IQNILAM).
 - c. Pelaksanaan aktiviti sampingan yang berkaitan dengan program NILAM
 - d. Cabaran dalam pelaksanaan Program NILAM peringkat sekolah.

Dimensi Penilaian Produk (*Product*)

4. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan program NILAM berjaya membantu meningkatkan :-
 - a. Bahan bacaan murid-murid selepas program?
 - b. Motivasi murid untuk membaca selepas program.
5. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara:-
 - a. Pembolehkan dimensi konteks dengan dimensi input dalam pelaksanaan Program NILAM.
 - b. Pembolehkan dimensi konteks dengan dimensi proses dalam pelaksanaan Program NILAM.
 - c. Pembolehkan dimensi konteks dengan dimensi produk dalam pelaksanaan Program NILAM.
 - d. Pembolehkan dimensi input dengan dimensi proses dalam pelaksanaan Program NILAM.
 - e. Pembolehkan dimensi input dengan dimensi produk dalam pelaksanaan Program NILAM.
 - f. Pembolehkan dimensi proses dengan dimensi produk dalam pelaksanaan Program NILAM.
6. Mengenal pasti sejauh mana dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses mempengaruhi dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program NILAM.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dilaksanakan telah membincangkan beberapa persoalan kajian yang dibangunkan. Antara persoalan tersebut berlandaskan empat dimensi KIPP iaitu:

Dimensi Penilaian Konteks

1. Apakah pelaksanaan program NILAM menepati:-
 - a. kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)?
 - b. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)?

Dimensi Penilaian Input

2. Apakah persepsi guru terhadap:-
 - a. Penggunaan buku rekod NILAM?
 - b. Penggunaan pusat sumber sekolah (PSS)?
 - c. Peranan guru kelas dalam melaksanakan program NILAM?
 - d. Peranan pentadbir dalam menjayakan program NILAM?

Dimensi Penilaian Proses

3. Dalam pelaksanaan program NILAM, apakah persepsi guru terhadap:
 - a. Proses pelaksanaan program NILAM?
 - b. Pelaksanaan program NILAM semasa pengajaran dan pembelajaran (PdPc)?
 - c. Cabaran dalam pelaksanaan program NILAM?



Dimensi Penilaian Produk

4. Adakah pelaksanaan program NILAM membantu meningkatkan:-
 - a. Bahan bacaan murid-murid selepas program?
 - b. Motivasi murid-murid untuk terus membaca selepas program?
5. Adakah terdapat hubungan antara:-
 - a. Dimensi konteks dengan dimensi input dalam pelaksanaan Program NILAM?
 - b. Dimensi konteks dengan dimensi proses dalam pelaksanaan Program NILAM?
 - c. Dimensi konteks dengan dimensi produk dalam pelaksanaan Program NILAM?
 - d. Dimensi input dengan dimensi proses dalam pelaksanaan Program NILAM?
 - e. Dimensi input dengan dimensi produk dalam pelaksanaan Program NILAM ?
 - f. Dimensi proses dengan dimensi produk dalam pelaksanaan Program NILAM?
6. Sejauh manakah dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses mempengaruhi dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program NILAM?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji telah mengemukakan dua hipotesis iaitu:

1. $H_a 1$: Terdapat hubungan signifikan antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan Program NILAM.
2. $H_a 2$: Terdapat hubungan signifikan antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program NILAM.
3. $H_a 3$: Terdapat hubungan signifikan antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program NILAM.
4. $H_a 4$: Terdapat hubungan signifikan antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program NILAM.
5. $H_a 5$: Terdapat hubungan signifikan antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program NILAM.
6. $H_a 6$: Terdapat hubungan signifikan antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program NILAM.
7. $H_a 7$: Dimensi penilaian konteks, input dan dimensi penilaian proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program NILAM.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang dibangun adalah berdasarkan kepada gabungan beberapa model dan teori (Model Tyler (1950); Model Scriven (1972); Model KIPP (1973) yang berkaitan dalam kajian yang dilaksanakan. Pembangunan kerangka konseptual kajian adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai asas panduan dalam pelaksanaan proses kajian yang merangkumi satu hubungan komponen-komponen dan idea kajian (Varpio, Paradis, Uijtdehaage & Young, 2020). Oleh yang demikian, kerangka ini merupakan sebuah panduan dalam pelaksanaan kajian agar kajian yang dilaksanakan memperoleh dapatan yang dapat menjawab setiap persoalan kajian, teratur dan sistematik.


Antara model yang digarapkan dalam kajian ini adalah Model KIPP (Stufflebeam, 1971). Kepenggunaan model ini dalam kajian adalah untuk penilaian program dan menjadi dasar dalam pembentukan kerangka konsep kajian ini. Pemilihan Model KIPP disebabkan oleh proses yang dimiliki dalam model tersebut untuk membuat penilaian terhadap program sesuatu program dalam menambahbaik program tersebut. Walaupun terdapat beberapa model lain yang boleh digunakan sebagai asas kajian, Model KIPP yang dibangun oleh Stufflebeam (1971) mempunyai proses pembuatan ke arah menambah baik sesuatu program. Model KIPP adalah tidak sama seperti model penilaian yang diketengahkan oleh model Goal-Free Scriven (1974), model Diskrepensi Provus (1971), model Stake (1967) dan model Tyler (1949). Dalam pada itu, pemilihan model KIPP juga adalah berdasarkan kesesuaian dengan tujuan utama kajian ini dilaksanakan iaitu untuk membuat penilaian terhadap pelaksanaan program NILAM dalam usaha untuk menambah baik program tersebut di peringkat sekolah menengah untuk keberhasilan program pada masa akan datang.



Pembangunan kerangka konsep adalah berdasarkan kepada empat komponen utama yang terdapat di dalam Model KIPP. Komponen-komponen tersebut adalah konteks, input, proses, dan produk. Namun, kajian ini hanya memfokuskan kepada tiga dimensi sahaja daripada empat dimensi asal mengikut model penilaian KIPP. Komponen input terdiri daripada buku rekod NILAM, pusat sumber sekolah, peranan guru dan peranan pentadbir sekolah. Komponen proses pula merangkumi proses pelaksanaan program NILAM, pelaksanaan NILAM dalam PdPc dan cabaran yang dihadapi oleh guru sepanjang program NILAM. Akhir sekali dimensi produk meliputi bilangan bahan bacaan yang dibaca yang telah dilengkapkan dalam buku rekod NILAM murid.

Kajian menyeluruh dilaksanakan terhadap pelaksanaan program NILAM di peringkat sekolah menengah yang merangkumi dimensi input, proses dan produk. Setiap komponen ini saling berhubung kai tantara satu sama lain. Kerangka konsep kajian berasaskan kepada model KIPP (Stufflebeam, 1971) adalah seperti dalam **Rajah 1.1:**





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian bagi menilai pelaksanaan Program NILAM menggunakan model Penilaian KIPP'

1.8 Kepentingan Kajian

Pengkaji berharap agar dapat memberikan maklumat dan data daripada hasil kajian untuk kegunaan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan terhadap program NILAM dalam usaha untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan murid sekolah dan membuat penilaian terhadap keberhasilan program ini. Pihak-pihak ini diantaranya adalah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pihak sekolah serta kepada para pengkaji akan datang sebagai sumber rujukan dalam melaksanakan kajian terhadap pembudayaan pembacaan di kalangan murid-murid sekolah.



Pengkaji berupaya memperoleh gambaran jelas dan terperinci terhadap komitmen yang perlu di galas oleh guru-guru kelas, para guru yang menyandang jawatan sebagai penyelaras PSS dan pihak sekolah terutamanya dalam memastikan program NILAM yang dijalankan di sekolah berjalan dengan lancar. Maklumat yang diperoleh juga dapat digunakan oleh guru PSS dalam mempelbagaikan aktiviti membaca di bawah program NILAM. Strategi-strategi menggalakkan penggunaan PSS sebagai tempat yang mesra murid dan menarik minat murid untuk berkunjung ke PSS dengan lebih kerap serta memberikan motivasi kepada murid-murid sekolah secara berterusan berkaitan kepentingan membaca.

Di samping itu, hasil dapata kajian yang diperoleh melalui soal selidik juga dapat melihat kekangan dan permasalahan yang perlu dihadapi oleh para guru untuk merealisasikan program NILAM ini. Maklumat yang dikumpulkan diharap dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah dan mengolah semula program NILAM untuk menjadi lebih baik pada masa akan datang. Sebagai guru, kajian ini akan membantu untuk meningkatkan lagi kefahaman guru berkaitan minat murid terhadap aktiviti membaca. Selain itu, Program Nilam dapat membantu guru dalam membuat pemilihan bahan-bahan bacaan untuk digunakan bilik darjah dan perpustakaan sekolah.

Bagi pihak pejabat pendidikan daerah pula, kajian ini akan membantu merancang program dan aktiviti membaca yang berkesan di peringkat daerah untuk meningkatkan lagi minat membaca dalam kalangan murid sekolah. Setiap program yang dirancang perlu bersesuaian dengan tahap membaca murid sekolah di daerah tersebut kerana setiap sekolah mempunyai tahap minat membaca yang berbeza. Oleh



yang demikian, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pejabat pendidikan daerah merancang program yang berkesan di setiap daerah.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat serta data berkaitan kepimpinan dan kefahaman para guru sekolah di peringkat menengah terhadap program NILAM yang dilaksanakan di sekolah. Oleh itu, pihak kementerian dapat meneliti penambahbaikan strategi yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi membentuk institusi pendidikan yang mesra buku.

1.9 Batasan Kajian

Daerah Muallim merupakan lokasi kajian ini dilaksanakan. Subjek kajian terdiri daripada para guru di peringkat sekolah menengah yang bertugas di sekolah-sekolah sekitar daerah Muallim. Kajian yang dilaksanakan adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik kajian merangkumi 43 item soalan. Penggunaan kaji selidik adalah bergantung kepada kejujuran responden. Bagi meningkatkan tahap kejujuran responden, pengkaji telah mengingatkan agar responden berlaku jujur semasa menjawab soal selidik. Selain itu, kerahsiaan kaji selidik di mana penyertaan responden adalah tanpa nama. Kajian ini dijalankan hanya di sekolah dalam daerah yang hanya dalam zon yang kecil. Oleh itu, hasil kajian ini tidak akan digeneralisasikan di sekolah-sekolah daerah lain. Selain itu, terdapat masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji iaitu pandemik virus Covid 19 yang melanda negara. Sekolah – sekolah di seluruh negara ditutup selama beberapa

bulan dan menyukarkan pengkaji menjalankan kajian. Pengkaji dapat mengedarkan soal selidik setelah sekolah dibuka mengikut operasi standard yang telah ditetapkan.

1.10 Definisi Operasional

Bahagian ini menerangkan istilah-istilah atau pembolehubah yang telah digunakan dalam kajian ini. Penggunaan setiap istilah diterangkan secara general dan juga dijelaskan berdasarkan penggunaan dalam kajian.

1.10.1 Minat

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, minat bermaksud keinginan (kesukaan, kecenderungan) kpd sesuatu. Dalam konteks kajian ini, minat merujuk kepada tabiat membaca dalam memperkasakan Program NILAM.

1.10.2 Motivasi

Motivasi merujuk kepada keinginan yg keras atau semangat yg kuat pd diri seseorang yg mendorongnya utk berusaha atau melakukan sesuatu dgn tujuan utk mencapai kejayaan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dalam konteks kajian ini, motivasi merujuk kepada dimensi proses dalam memupuk amalan membaca dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan di Daerah Muallim.



1.10.3 Program NILAM

Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) merupakan gabungan aktiviti galakan membaca yang dijalankan di sekolah dengan pengiktirafan yang sesuai. Program ini bermula pada tahun 1999 di semua sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini dilaksanakan hasil daripada keputusan mesyuarat Jawatan kuasa Induk Gerakan Tabiat Membaca peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1998. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 13/1998 mewajibkan semua sekolah melaksanakan program ini. Rekod pembacaan murid dicatatkan dalam sebuah buku khas yang dimiliki oleh setiap orang murid mengikut pada tahap dan Bahasa dan buku khas ini akan diteruskan sehingga tamat tempoh persekolahan. Rekod akan disimpan untuk tujuan rujukan dan pemarkahan terhadap murid tersebut.



1.10.4 Guru Penyelaras Pusat Sumber

Jawatan sebagai Guru Penyelaras Pusat Sumber merupakan sebuah jawatan yang paling penting di antara jawatan yang disandang oleh para cikgu di sekolah dan jawatan ini termaktub di dalam organisasi pusat sumber sekolah. Pelantikan jawatan ini adalah daripada pengetua sekolah dan diberikan peranan untuk menyelaras dan menguruskan pusat sumber sekolah menjadi satu pusat ilmu pengetahuan yang sentiasa dikunjungi oleh para guru dan murid. Program Nilam merupakan salah satu tanggungjawab yang perlu digalas oleh guru yang memegang jawatan ini. Gerak kerja yang dilaksanakan adalah dalam bentuk kumpulan yang terdiri daripada guru-guru lain. Antara tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh kumpulan ini adalah memilih, mengagihkan buku pinjam,





menggredkan buku, mengedarkan rekod bacaan, menyedia dan mengedarkan setiap rekod bacaan. Selain itu, ahli jawatan kuasa NILAM juga dibentuk untuk mendapatkan data dan maklumat daripada setiap murid daripada setiap kelas untuk dianalisis bagi keperluan dalam penjanaan pelaporan, pengesahan dan menanda tangan setiap rekod bacaan murid serta merancang dan menganjurkan beberapa aktiviti dalam menyokong pembangunan program NILAM di sekolah. Berdasarkan Pekeliling Ikhtisas 3/2005, guru yang menyandang jawatan sebagai penyelaras PSS diberikan waktu mengajar di antara 6 hingga 8 waktu seminggu.

1.10.5 Guru

Mok Soon Sang (2008) menyatakan bahawa guru adalah ahli ikhtisas dalam bidang pendidikan yang berperanan untuk mendidik para pelajar di sekolah dan tugas-tugasnya merangkumi sebagai pembimbing, pengurus, innovator dan pemudahcara. Selain itu, Kamus Dewan (2010) memberikan maksud di mana guru adalah seorang pendidik, pengajar ataupun pengasuh. Tugas sebagai pembimbing dapat di lihat dalam proses pembelajaran yang dilaksanakan diantara murid dan guru. Dalam pada itu, guru juga sebagai ahli masyarakat yang mempunyai hubungan sosial dengan masyarakat sekelilingnya. Penguasaan psikologi sosial harus ada pada diri guru kerana seorang guru mempunyai hubungan langsung terhadap masyarakat, perlu berketerampilan dalam membina kelompok, dan saling bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang timbul terutamanya permasalahan yang melibatkan bilik darjah secara dalam kelompok. Oleh yang demikian, guru yang dinyatakan dalam kajian yang dilaksanakan adalah orang yang memikul tanggungjawab menjalankan program NILAM di sekolah.





1.10.6 Pentadbir sekolah

Dalam setiap organisasi di sekolah-sekolah menengah, pengetua merupakan ketua eksekutif dalam peringkat pengurusan sekolah dan juga sebagai seorang pemimpin utama di sekolah berkenaan. Jawatan pengetua dilantik secara rasmi oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menerajui kepimpinan sesebuah sekolah menengah dan menggalas tanggungjawab dalam mentadbir, mengurus dan memimpin sekolah. Selain itu barisan guru penolong kanan juga berperanan membantu pengetua untuk mengurus dan mentadbir sekolah. Antara barisan guru penolong kanan di sekolah menengah ialah Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Guru Penolong Kanan Ko Kurikulum. Bagi sekolah yang mempunyai murid Tingkatan Enam, Guru Penolong Kanan Tingkatan Enam atau Pra Universiti ditugaskan untuk mengurus hal yang berkaitan dengan Tingkatan Enam. Dalam kajian ini, peranan pentadbir sekolah amat penting untuk memastikan kejayaan program NILAM tercapai bebandukan objektif dan matlamat program tersebut dilaksanakan.

1.11 Rumusan

Dalam bab 1 ini, dijelaskan secara mendalam berkaitan pengenalan kepada kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu Program NILAM. Dalam bab ini juga membincangkan tentang segala maklumat berkaitan objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Selain itu juga, kerangka konseptual yang diadaptasi dari Model Penilaian KIPP merupakan rangka penting kepada kajian ini yang akan menjadi panduan kepada pengkaji dalam menilai pelaksanaan Program NILAM.

